

22/04/1998

Maseu sokong penyusunan MAS

Badrila Jamlus

KESATUAN Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia (Maseu) yang menyokong penyusunan semula MAS mahukan ia dilakukan dengan menjaga hubungan baik antara pekerja, pemilik dan kumpulan pengurusan baru.

Sambil menyifatkan langkah itu sebagai tepat pada masanya, Presidennya, Alias Aziz, berkata penyusunan itu perlu supaya pembaharuan menyeluruh dapat dilakukan ke arah mewujudkan struktur pengurusan yang lebih baik dan menyakinkan.

Menurutnya, sebarang penyusunan semula yang dilakukan sama ada dari segi ekuiti, pengambilalihan atau penyusunan pengurusan dalaman perlu mengambil kira hubungan antara pekerja, pemilik dan kumpulan pengurusan baru.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam, Maseu meminta kerajaan memandang serius masalah dalaman MAS terutama hubungan industri dan pembangunan syarikat.

"Pekerja adalah aset paling berharga dalam organisasi dan hubungan industri yang harmonis adalah senjata kejayaan syarikat dari segi menghasilkan produktiviti maksimum dan kualiti perkhidmatan terbaik," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebagai pemilik `saham penentu' dalam Penerbangan Malaysia (MAS), kerajaan tidak akan menghalang syarikat itu melakukan penyusunan semula struktur asetnya.

"Melainkan mereka sudah melakukan sesuatu kesalahan, saya tidak nampak mengapa kita harus menghalang. Saya fikir, mereka sudah melakukan yang terbaik," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, penyusunan semula struktur dan aset MAS juga bukan bertujuan menyelamatkan Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli untuk membiayai hutang peribadinya.

Alias berharap, pihak pengurusan tertinggi tidak memperkecil-kecilkan hubungan baik sangka dengan kesatuan dalam proses penyusunan semula itu.

"Ini kerana Maseu banyak berkorban dan bekerjasama membuat perubahan dan sentiasa menyokong syarikat walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, Maseu sudah mengeluarkan pekeliling kepada lebih 9,000 ahlinya supaya menyokong tindakan syarikat dan negara dalam menangani kegawatan ekonomi dengan melakukan penjimatan kos.

Maseu sebagai badan induk kesatuan yang mewakili pekerja MAS, anak syarikat dan sekutunya mahu sebarang bentuk penyusunan yang dilakukan mesti mengambil kira kepentingan pekerja.

(END)